AUTHOR: Abdul Rashid Abdul Rahman SECTION: NIAGA AUDIENCE : 85,000 PAGE: 32
PRINTED SIZE: 352.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,197
WORDS: 253 ITEM ID: DP0122381323

30 OCT, 2026

Solar terapung terbesar Asia Tenggara di Pahang

Kosmo, Malaysia

Solar terapung terbesar Asia Tenggara di Pahang

- **Berkapasiti 200 MW**
- **Sedia 1,500 peluang pekerjaan**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Pahang menjadi perintis kepada pelaksanaan projek solar terapung berskala besar di negara ini menerusi pelaksanaan projek di Empangan Chereh, di sini.

Projek bernilai RM850 juta itu disasarkan memiliki kapasiti 200 megawatt (MW) untuk menjadi projek solar terapung terbesar di Asia Tenggara, mengatasi projek serupa di Indonesia yang membekalkan 145 MW.

Ia akan dilaksanakan oleh syarikat tempatan, Citaglobal Bhd. dengan kerjasama syarikat tenaga boleh baharu milik Emiriyah Arab Bersatu (UAE) iaitu Abu Dhabi Future Energy Company (Masdar).

Pengarah Urusan Citaglobal, Datuk Aimi Aizal Nasharuddin berkata, projek itu akan dimulakan awal tahun depan dan dijangka siap pada Mac 2028.

"Apabila siap, ia menjana 200 MW elektrik yang akan disambung terus ke grid Tenaga Nasional Berhad.

"Ia mampu menyediakan elektrik kepada 100,000 buah rumah dan menyediakan kira-kira 1,500 peluang pekerjaan," katanya dalam sidang akhbar pada majlis pecah tanah yang disempurnakan Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam.

Tambah beliau, projek itu yang telah mendapat kelulusan kajian impak alam sekitar akan dibangunkan di atas air seluas kira-kira 607 hektar di kawasan empangan berkenaan.

Jelasnya, kepakaran Masdar membolehkan panel solar terapung di atas air sepanjang masa bukan sahaja efektif dalam memastikan prestasi dan ketahanan panel solar, malah jimat penggunaan tanah dan penebangan hutan.

"Ini selari dengan pelawaan daripada kerajaan negeri untuk melaksanakan projek tenaga boleh diperbaharui yang melindungi alam sekitar," kata Aimi Aizal.

AL-SULTAN ABDULLAH (dua dari kanan) menyempurnakan majlis pecah tanah Projek Chereh di Kuantan.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.